NHF strives to raise the general welfare of its employees. Apart from providing the standard employee benefits, NHF organises fun and entertaining events ranging from employees social gatherings to sports tournaments, family day, annual dinner and festive celebrations. These activities were held to promote closer relationship among the employees, encourage teamwork and promote healthy lifestyles and at the same time nurture talent and leadership skills among the employees who are entrusted with the responsibilities to organise these events. All confirmed employees are covered under Personal Accident insurance while some employees are also provided coverage under Hospital & Surgical insurance as well as travelling insurance. Staffs discounts are also given to employees for the purchase of the Group's products.

As a caring employer, NHF had stood with the victims of the earthquake that struck Nepal in April 2015. Management and staffs had made cash contribution to 48 Nepalese workers whose family members were affected by the quake.

Rewards and Recognitions

The "Long Service Award" commemorates the dedication and loyalty of long service employees. During the Family Day 2015, this award was presented to 31 employees who had worked with the Group for 10 and 20 years.

The "100% Attendance Award" is given to employees who have fulfilled the required criteria such as full attendance and punctuality and not been subjected to any disciplinary action in a year. In 2015, a total of 96 employees had achieved this recognition and were given a certificate and cash incentive as reward.

CONCLUSION

The Board of Directors of NHF believes that sustainability is one of the key driving factors that positions the Group towards achieving its corporate goals and stakeholder value creation without compromising social and environmental needs.

LAPORAN KELESTARIAN DAN TANGGUNGJAWAB KORPORAT SOSIAL

PENDAHULUAN

Kelestarian di NHF termasuk membuat keputusan dan mengambil tindakan demi memaksimumkan pulangan ekonomi sementara mengendalikan perniagaan dengan cara yang bertanggunjawab. Menyedari tentang kesan penuh daripada operasi seharian terhadap persekitaran, NHF sentiasa mematuhi dan mengamalkan prinsip-prinsip kelestarian dalam operasinya. Dengan beroperasi secara bertanggungjawab, NHF memastikan kelestarian perniagaan dalam memacu ke arah pencapaian matlamatnya untuk menjadi pembekal penyelesaian alat-alat ganti automotif terkemuka di Asia.

NHF memfokuskan kepada empat bidang kelestarian, seperti yang dirangkumkan di dalam laporan ini:

A) Pasaran
B) Masyarakat
C) Persekitaran
D) Tempat Kerja

A) PASARAN

Tadbir Urus Korporat

Sebagai warga korporat di pasaran kewangan, NHF komited sepenuhnya untuk mematuhi semua peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa yang berkaitan. Ini termasuk, tetapi tidak terhad kepada pematuhan kepada peraturan yang ditetapkan oleh Bursa Malaysia Securities Berhad, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan pihak berkuasa atau agensi kerajaan yang lain. NHF juga komited untuk mematuhi prinsip dan saranan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2012, sebagai jaminan bahawa Syarikat mengamalkan pengurusan yang baik dan telus demi kepentingan terbaik Syarikat dan pihak berkepentingan. Perincian mengenai amalan tadbir urus korporat adalah dinyatakan secara berasingan dalam Penyata Tadbir Urus Korporat di dalam Laporan Tahunan ini.

Pengurusan Risiko Perusahaan

Mengekalkan sistem kawalan dalaman dan pengurusan risiko yang berkesan adalah satu komponen penting dalam memastikan kelestarian perniagaan. NHF telah mewujudkan rangka kerja Pengurusan Risiko Perniagaan (ERM) untuk mengenal pasti, menilai dan mengurangkan semua risiko utama terutamanya risiko yang berkaitan dengan kelestarian perniagaan yang menghalang matlamatnya untuk mencapai sasaran perniagaan. Menyedari bahawa risiko tidak dapat dielakkan, tindakan telah diambil untuk mengenal pasti bidang-bidang risiko. Kawalan yang sesuai kemudiannya disediakan untuk meminimumkan kebarangkalian berlakunya risiko dan kesannya terhadap perniagaan Kumpulan. Lembaga Pengarah, melalui Jawatankuasa Audit mengkaji laporan ERM Kumpulan pada setiap suku tahun.

Pelan Kesinambungan Perniagaan

Pelan Kesinambungan Perniagaan NHF telah diwujudkan bagi menangani senario yang menimbulkan ancaman kepada kesinambungan perniagaan. Pelan ini termasuk pembentukan pasukan pemulihan, menetapkan masa pemulihan yang disasarkan dan menentukan sumber yang diperlukan ketika berlakunya ancaman supaya dapat meneruskan operasi perniagaan dalam masa yang paling pantas. Pelan ini adalah tertakluk kepada semakan untuk memastikan bahawa ia mencukupi untuk menampung operasi kritikal perniagaan dan memastikan ia kekal relevan untuk menangani persekitaran perniagaan yang sentiasa berubah.

Nilai-nilai Etika dan Korporat

NHF menghargai nilai-nilai yang dihasilkan melalui pengendalian perniagaan dan tingkah laku korporat yang beretika. Amalan perniagaan yang bertanggungjawab diterapkan dalam budaya NHF, bermula dengan satu set nilai-nilai teras yang dikongsi oleh seluruh organisasi:

1. *Integriti*
2. *Fokus pada Pelanggan*
3. *Kecekalan*
4. *Sedia Berubah*
5. *Kecemerlangan*
6. *Hormat*

Nilai-nilai teras ini menyatakan kelakuan dan tingkah laku yang diharapkan daripada kakitangan di dalam organisasi dalam operasi harian serta dalam penglibatan perniagaan dengan pihak berkepentingan. Kumpulan mengamalkan dasar sifar toleransi berhubung dengan kegiatan penipuan, rasuah dan sogokan. Polisi Penipuan telah ditubuhkan untuk menggalakkan tingkah laku yang konsisten dalam mencegah, mengesan dan bertindak balas terhadap semua kegiatan penipuan, manakala Polisi Pendedahan Penyelewengan menyediakan saluran bagi memudahkan pihak berkepentingan dalam menyalurkan laporan yang berniat baik mengenai sebarang salah laku yang didapati berlaku dalam Kumpulan.

Kualiti Produk

Untuk mengekalkan kelestarian daya saing perniagaan, NHF berusaha untuk membekalkan pelbagai alat ganti automotif yang berkualiti di dalam negara dan di peringkat global.

Dasar kualiti Kumpulan ialah untuk membekalkan alat-alat automotif yang memenuhi keperluan pelanggan secara konsisten melalui penambahbaikan yang berterusan dan Sistem Pengurusan Kualiti. Semua proses pengeluaran dan perdagangan di Malaysia adalah diperakui di bawah ISO 9001. Dengan memenuhi piawaian yang diperlukan dalam semua proses kerja, NHF memberi jaminan kepada pelanggan terhadap kualiti dan kebolehpercayaan produknya.

B) MASYARAKAT

NHF menyasarkan untuk menyumbang secara positif kepada masyarakat melalui pelbagai usaha tanggungjawab korporat sosial.

Kempen Menderma Darah dan Pemeriksaan Kesihatan

Sebagai sebahagian daripada inisiatif tanggungjawab korporat sosial, NHF menganjurkan kempen derma darah dan pemeriksaan kesihatan tahunan untuk membantu menyumbang kepada tabung darah Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang dan untuk meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan menderma darah. Sejak permulaannya pada tahun 2007, program ini telah mencatatkan kira-kira 1,200 penderma darah yang berjaya. Pemeriksaan kesihatan percuma dan ceramah kesihatan juga ditawarkan semasa kempen tersebut termasuk pemeriksaan Body Mass Index (BMI), tekanan darah, pemeriksaan mata, imbasan tulang dan ujian pap smear. Agensi-agensi seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ), Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dan Persatuan Automobil Malaysia (AAM) juga terlibat untuk mewujudkan kesedaran tentang keselamatan dan kesihatan di kalangan orang ramai.

Kempen Keselamatan Jalan Raya

Menghargai setiap nyawa, NHF giat meningkatkan kesedaran tentang keselamatan jalan raya di kalangan kakitangan, ahli keluarga mereka dan masyarakat sekeliling. NHF memulakan kempen keselamatan jalan raya pada tahun 2010 selepas menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan JKJR. Komitmen ini telah diperbaharui pada tahun 2013 dimana NHF telah mengumpulkan sokongan enam syarikat di sepanjang Jalan Teratai, Meru untuk menyertai usaha-usaha memperjuangkan keselamatan jalan raya di kawasan sekitar. Tujuannya adalah untuk meningkatkan kesedaran tentang tabiat jalan raya yang positif dan mengurangkan kecederaan dan kematian yang berkaitan dengan trafik. Selepas tiga (3) tahun berkempen dan penglibatan aktif dengan kakitangannya, NHF menandakan pencapaian sifar kematian dalam setahun di kalangan kakitangan pada tahun 2014.

Pendidikan

NHF mengiktiraf kepentingan pendidikan bagi mengubah kehidupan. Kumpulan menggalakkan dan memberi ganjaran atas kecemerlangan akademik di kalangan anak-anak kakitangannya dengan memberi ganjaran wang tunai bagi pencapaian keputusan cemerlang dalam peperiksaan awam. Pada tahun 2015, sebanyak lapan (8) orang pelajar telah diberi ganjaran atas keputusan cemerlang dalam peperiksaan UPSR, PT3 dan SPM. Pada awal sesi persekolahan setiap tahun, bantuan persekolahan diberikan kepada kakitangan yang layak untuk membantu meringankan beban perbelanjaan persekolahan.

NHF juga menggalakkan pembelajaran berterusan dan pembangunan profesional di kalangan kakitangan dimana tajaan diberikan kepada kakitangan yang berminat untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang yang berkaitan dengan kerja mereka melalui "Bantuan Kewangan Pelajaran".

Derma Kebajikan

Setiap tahun, hadiah, makanan dan barang keperluan rumah diberikan kepada rumah kanak-kanak dan orang tua bertujuan untuk membawa keceriaan kepada mereka yang kurang bernasib baik.

Melalui inisiatif tanggungjawab korporat sosial sedia ada, untuk masa-masa akan datang, Kumpulan menyasarkan agar dapat membangunkan program sukarelawan berstruktur di kalangan kakitangannya untuk melibatkan mereka dalam aktiviti khidmat masyarakat. Kumpulan berharap dapat meningkatkan moral kakitangan dengan menyediakan peluang sukarelawan dan penglibatan dalam aktiviti-aktiviti tanggungjawab korporat sosial.

C) PERSEKITARAN

NHF komited sepenuhnya untuk mengekalkan amalan alam sekitar yang baik. Kumpulan memastikan bahawa operasinya meninggalkan kesan minimum terhadap alam sekitar melalui penggunaan tenaga dan pengurusan sisa buangan yang cekap demi memelihara alam semula jadi untuk generasi akan datang.

Pengurusan Tenaga yang Cekap

Sebagai sebahagian daripada program tenaga lestari, NHF telah mengambil bahagian dalam sistem Galakan Tarif Solar Photovoltan oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) pada tahun 2013. Melalui sebuah anak syarikat milik penuh, New Hoong Fatt Auto Supplies Sdn Bhd (NHFAS), sebuah Perjanjian Pembelian Kuasa Tenaga Boleh Diperbaharui telah ditandatangani dengan TNB bagi penjualan dan penghantaran tenaga boleh diperbaharui oleh NHFAS kepada TNB. Tempoh konsesi telah ditetapkan selama 21 tahun. Kumpulan telah melabur kira-kira RM2.0 juta dalam pemasangan panel solar di atas gudang di Segambut, Kuala Lumpur. Pada tahun 2015, sebanyak 205,768 kilowatt tenaga telah dijana menggunakan panel solar ini. Panel solar menghasilkan tenaga yang paling bersih dan oleh itu ia membantu mengurangkan perubahan iklim global dan mengurangkan pergantungan pada sumber yang semakin berkurangan untuk menjana elektrik. Melangkah ke hadapan, Kumpulan akan meneroka penggunaan tenaga boleh diperbaharui untuk kegunaan sendiri di premis lain.

Dalam usaha untuk mengurangkan penggunaan elektrik, NHF menggunakan tenaga bervoltan rendah sejak bulan September 2014 di premisnya di Meru, Klang. Kumpulan telah menggantikan semua mentol standard dengan mentol penjimatan tenaga, diod pemancar cahaya (LED) di seluruh premisnya secara berperingkat. Mentol ini menggunakan tenaga yang rendah dan mempunyai jangka hayat yang lebih tinggi dimana ia dapat menghasilkan penjimatan kos dan pemuliharaan alam sekitar.

Pengurusan Bahan Buangan

Antara keutamaan alam sekitar Kumpulan adalah pengurusan dan usaha untuk mengurangkan pembaziran sumber. Sebagai pengeluar yang bertanggungjawab, NHF menyasarkan untuk mengurangkan pembaziran dengan menggunakan bahan-bahan berkualiti dan memastikan proses yang cekap. Kebanyakan bahan buangan dalam bentuk resin plastik akan digunakan semula manakala sekerap logam boleh digunakan semula atau dijual. Sisa pepejal lain seperti tong minyak dan kimia dilupuskan kepada pengumpul berlesen yang diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS).

Dalam kilang pengeluaran, air digunakan dalam proses pembuatan seperti salutan dan semburan cat, pemasangan dan penyejukan. Hanya air sisa terawat sahaja yang dialirkan keluar untuk mengelakkan pencemaran kepada alam sekitar. Loji rawatan air sisa untuk mesin pengecat 'electro-deposition' baru-baru ini telah dinaik taraf dengan kos sebanyak RM165,000.

Usaha-usaha dalam mengekalkan alam sekitar juga merangkumi kawalan untuk pelepasan gas yang dihasilkan daripada aktiviti pengeluaran dan pemprosesan. Kumpulan telah melantik perunding kualiti udara yang dilesenkan untuk menjalankan pengukuran pelepasan udara bagi memastikan pematuhan kepada piawaian pelepasan udara yang dikawal selia oleh Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978.

Kumpulan telah menggunakan bahan-bahan kitar semula demi mencapai kecekapan kos yang lebih baik dan sebagai sebahagian daripada usaha untuk menyumbang ke arah pemuliharaan alam sekitar untuk masa depan yang lebih baik dan lestari.

D) TEMPAT KERJA

NHF telah berkecimpung dalam industri ini selama hampir 40 tahun hasil dedikasi kakitangannya yang tidak berbelah bahagi. Kakitangan merupakan aset yang paling berharga dalam organisasi ini. NHF berusaha untuk mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif bagi kakitangannya. Pada masa yang sama, pelbagai program dan inisiatif dijalankan setiap tahun untuk menunjukkan penghargaannya terhadap kakitangan dan untuk menggalakkan pembangunan kakitangan dari segi peribadi dan profesional.

Kepelbagaian dan Penyertaan

Kepelbagaian sosial memberikan kelebihan daya saing. NHF menghormati semua kakitangan tanpa mengira jantina, bangsa, umur atau kewarganegaraan dan berusaha untuk mengekalkan kepelbagaian di semua peringkat. NHF telah mengekalkan amalan untuk mempunyai satu pertiga wanita di dalam Lembaga Pengarah manakala di peringkat lain dalam Kumpulan, kakitangan diberi peluang-peluang pekerjaan, pembangunan kerjaya dan pembayaran yang adil dan sama rata.

Melalui maklum balas dan pertemuan yang kerap, kakitangan digalakkan untuk menyuarakan idea-idea baru atau membangkitkan sebarang kebimbangan yang mereka ada. "Dialog bersama Pengerusi" dianjurkan setiap tahun untuk memberi peluang kepada kakitangan untuk berinteraksi secara terus dengan Pengerusi Kumpulan.

Modal Insan yang Kukuh

Dalam usaha mengukuhkan tenaga kerja bagi pertumbuhan masa depan, NHF mendekati pelbagai kumpulan daripada belia tempatan, lepasan sekolah dan siswazah. NHF telah bekerjasama dengan kolej dan universiti untuk mengadakan ceramah dan pameran kerjaya dalam mencari bakat-bakat terbaik. Di peringkat dalaman, NHF mempunyai proses perancangan penggantian dimana bakat yang berpotensi dikenal pasti dan dibangunkan untuk mengisi jawatan-jawatan utama dalam Kumpulan. Mereka dilatih untuk menjadi pemimpin masa hadapan Kumpulan dan akan mengisi jurang dalam jawatan penting apabila sesuatu perubahan diperlukan.

NHF telah membangunkan program pengurusan bakat yang menawarkan peluang latihan dan penempatan pekerjaan melalui latihan dan perantisan. Untuk latihan industri, NHF menyediakan pelatih dengan peluang untuk mengintegrasikan pengalaman praktikal dengan pengetahuan kelas teori untuk membantu melengkapkan mereka dengan kemahiran dan pengetahuan industri.

Dengan kerjasama penyedia latihan bertauliah seperti Perbadanan Pembangunan Sumber Manusia Selangor (SHRDC), Max Human Capital, Pusat Latihan Enter Corridor dan Pusat Latihan Auto Prima, NHF mengambil bahagian dalam program perantisan untuk menawarkan penempatan pekerjaan dan pensijilan latihan vokasional kepada lepasan sekolah. Perantis diletakkan di pelbagai jabatan dalam organisasi mengikut bidang pengajian mereka. Pada akhir program ini, pelajar akan menerima 'Sijil Kemahiran Malaysia' kelayakan Tahap 2 dan Tahap 3 dalam Automasi Industri, Mekatronik dan 'Plastic Injection Moulding' daripada Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia.

Pada tahun 2015, NHF telah menandatangani satu Memorandum Persefahaman (MoU) dengan SHRDC untuk menaja seramai enam belas (16) pelajar di bawah Program Meister Malaysia dalam Mekatronik untuk Perkilangan - Peningkatan Kemahiran Industri. Dengan objektif untuk meningkatkan bilangan jurutera, program tersebut membentuk sebahagian daripada strategi Kumpulan untuk memastikan bahawa ia mempunyai tenaga kerja yang mampan untuk pertumbuhan perniagaan masa depan. Terbuka kepada pemegang sijil SKM Tahap 3, program ini menggabungkan kedua-dua latihan di tempat kerja yang diselia dan latihan dalam kelas. Setelah tamat, pelajar akan menerima Sijil Meister Malaysia dan Diploma Lanjutan daripada JPK. Mereka kemudiannya layak untuk menjadi jurutera bersekutu Kumpulan.

LAPORAN KELESTARIAN DAN TANGGUNGJAWAB KORPORAT SOSIAL (sambungan)

Pengurusan Bakat

Bagi menyokong pertumbuhan perniagaan, kecekapan kakitangan sentiasa dipertingkatkan dan diperkukuhkan melalui latihan dan pembangunan kerjaya. Latihan dalaman dan luaran disediakan untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan kakitangan bagi membolehkan mereka menjalankan tugas dengan lebih berkesan dan cekap. NHF menggalakkan kakitangan untuk mencapai potensi penuh mereka melalui tugasan kerja, pengayaan kerja dan pusingan kerja.

Kesihatan dan Keselamatan

Pelbagai langkah diambil untuk memastikan keselamatan dan kesihatan kakitangannya. Prosedur operasi standard dan polisi yang menyeluruh selaras dengan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHA) telah dibangunkan untuk memastikan keselamatan semasa mengendalikan jentera besar, peralatan dan acuan. Peralatan perlindungan dan alatan yang bersesuaian disediakan untuk kakitangan dan latihan kesedaran mengenai langkah-langkah keselamatan dijalankan secara kerap. Perhimpunan keselamatan dan latihan kebakaran dijalankan secara berkala setiap tahun. Penambahbaikan yang berterusan untuk mengurangkan jumlah kejadian, kecederaan atau penyakit dan galakan persekitaran kerja yang selamat dan sihat di tempat kerja juga tersedia. Latihan yang berkaitan juga sedang dijalankan keatas pengendalian bahan-bahan kimia industri. Terbaru, Kumpulan telah menjalankan pemeriksaan yang menyeluruh mengenai kesan-kesan penggunaan bahan kimia baru terhadap kesihatan bagi memastikan kesihatan kakitangan adalah dilindungi.

Pada tahun 2015, NHF telah menjalankan sesi Latihan Gabungan Tindakan Kecemasan untuk pasukan Pertolongan Cemas, Pemadam Kebakaran dan kawalan tumpahan kimia (HAZMAT). Kumpulan juga telah membuka sebuah bilik pertolongan cemas dalam kilang di Klang yang dilengkapi dengan kemudahan penting dan dikendalikan oleh ahli pertolongan cemas yang berkelayakan.

Kebajikan Pekerja

NHF berusaha untuk meningkatkan kebajikan kakitangannya. Selain daripada menyediakan faedah pekerja yang umum, NHF menganjurkan pelbagai acara menyeronokkan dan menghiburkan termasuk perjumpaan sosial kakitangan, kejohanan sukan, hari keluarga, makan malam tahunan dan sambutan perayaan. Aktiviti-aktiviti ini diadakan untuk menggalakkan hubungan yang lebih erat di kalangan kakitangan, menggalakkan kerja berpasukan dan menggalakkan gaya hidup sihat disamping memupuk bakat dan kepimpinan di kalangan kakitangan yang diamanahkan dengan tanggungjawab untuk menganjurkan acara-acara ini. Semua kakitangan yang telah disahkan jawatan adalah dilindungi dibawah insurans kemalangan diri manakala sebahagian kakitangan juga disediakan perlindungan di bawah insuran Hospitalisi & Pembedahan serta insuran perjalanan. Potongan harga juga diberikan kepada kakitangan untuk pembelian produk Kumpulan.

Sebagai majikan yang prihatin, NHF telah membantu mangsa-mangsa gempa bumi yang melanda Nepal pada bulan April 2015. Pengurusan dan kakitangan telah membuat sumbangan wang tunai kepada 48 pekerja Nepal yang mana ahli keluarga mereka terjejas akibat gempa bumi itu.

Ganjaran dan Pengiktirafan

"Anugerah Khidmat Setia" memperingati dedikasi dan kesetiaan kakitangan yang telah berkhidmat lama. Semasa Hari Keluarga 2015, anugerah ini telah disampaikan kepada 31 kakitangan yang telah berkhidmat kepada Kumpulan selama 10 dan 20 tahun.

"Anugerah Kehadiran 100%" diberi kepada kakitangan yang telah memenuhi kriteria yang diperlukan seperti kehadiran penuh dan menepati masa dan tidak tertakluk kepada apa-apa tindakan tatatertib dalam satu tahun. Pada tahun 2015, seramai 96 pekerja telah mencapai pengiktirafan ini dan telah diberikan sijil dan insentif wang tunai sebagai ganjaran.

KESIMPULAN

Lembaga Pengarah NHF percaya bahawa kelestarian merupakan satu faktor penting yang membantu Kumpulan dalam mencapai matlamat korporatnya serta membentuk nilai untuk pemegang berkepentingan tanpa menjejaskan keperluan sosial dan alam sekitar.

FIVE-YEAR GROUP FINANCIAL SUMMARY
RINGKASAN KEWANGAN LIMA TAHUN KUMPULAN

	2015	**2014**	**2013**	**2012**	**2011**
Revenue (RM'000) *Hasil (RM'000)*	**207,226**	200,596	210,604	217,467	215,570
Profit Before Taxation (RM'000) *Keuntungan Sebelum Cukai (RM'000)*	**26,570**	17,900	27,357	27,669	25,859
Profit After Taxation (RM'000) *Keuntungan Selepas Cukai (RM'000)*	**19,250**	11,974	20,149	22,763	19,805*
Total Assets (RM'000) *Jumlah Aset (RM'000)*	**397,944**	369,332	386,125	361,552	346,596
Total Borrowings (RM'000) *Jumlah Pinjaman (RM'000)*	**28,656**	19,470	36,051	27,922	26,984
Shareholders' Fund (RM'000) *Dana Pemegang Saham (RM'000)*	**330,047**	314,829	313,485	302,608	289,177
Basic Earnings Per Share *Perolehan Asas Sesaham*	**25.61 sen**	15.93 sen	26.81 sen	30.29 sen	26.35 sen
Net Assets Per Share *Aset Bersih Sesaham*	**RM4.39**	RM4.19	RM4.17	RM4.03	RM3.85
Dividend Per Share (Single Tier) *Dividen Sesaham (Satu Peringkat)*	**11 sen**	10 sen	12 sen	13 sen	12 sen

* After non-controlling interest / *Selepas kepentingan yang tidak dikawal*

FIVE-YEAR GROUP FINANCIAL SUMMARY (continued)
RINGKASAN KEWANGAN LIMA TAHUN KUMPULAN (sambungan)

Revenue (RM'000)
Hasil (RM'000)



Profit Before Taxation (RM'000)
Keuntungan Sebelum Cukai (RM'000)



Total Assets (RM'000)
Jumlah Aset (RM'000)



Shareholders' Fund (RM'000)
Dana Pemegang Saham (RM'000)



Basic Earnings Per Share (Sen)
Perolehan Asas Sesaham (Sen)

Net Assets Per Share (RM)
Aset Bersih Sesaham (RM)



FINANCIAL CALENDAR
for the financial year ended 31 December 2015

TAKWIM KEWANGAN
untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015

Activities / ***Aktiviti-Aktiviti***	**Date** / ***Tarikh***
Announcement of Results / ***Pengumuman Keputusan***	
Unaudited results for first quarter ended 31 March 2015 *Keputusan belum diaudit bagi suku pertama berakhir 31 Mac 2015*	5 May 2015 *5 Mei 2015*
Unaudited results for second quarter ended 30 June 2015 *Keputusan belum diaudit bagi suku kedua berakhir 30 Jun 2015*	11 August 2015 *11 Ogos 2015*
Unaudited results for third quarter ended 30 September 2015 *Keputusan belum diaudit bagi suku ketiga berakhir 30 September 2015*	24 November 2015 *24 November 2015*
Unaudited results for fourth quarter ended 31 December 2015 *Keputusan belum diaudit bagi suku ke-empat berakhir 31 Disember 2015*	23 February 2016 *23 Februari 2016*
Interim Dividend / ***Dividen Interim***	
- Declaration *Pengisytiharan*	24 November 2015 *24 November 2015*
- Entitlement *Kelayakan*	9 December 2015 *9 Disember 2015*
- Payment *Pembayaran*	23 December 2015 *23 Disember 2015*
Final Dividend / ***Dividen Akhir***	
- Recommendation *Cadangan*	23 February 2016 *23 Februari 2016*
- Entitlement *Kelayakan*	15 June 2016 *15 Jun 2016*
- Payment *Pembayaran*	14 July 2016 *14 Julai 2016*
Issuance of Annual Report 2015 ***Penerbitan Laporan Tahunan 2015***	26 April 2016 *26 April 2016*
Nineteenth (19th) Annual General Meeting ***Mesyuarat Agung Tahunan yang ke-Sembilanbelas (19)***	2 June 2016 *2 Jun 2016*

Kam Foong Keng

Aged 52, Executive Chairman

Madam Kam was appointed as Executive Director of the Group on 8 April 1998, and was later appointed as Executive Chairman on 15 May 2008. She also serves as a member of Remuneration Committee. She holds a Bachelor Degree in Business from South Australia Institute of Technology [now known as University of South Australia], Australia.

She has been a key person in the Group's management and organisation since graduation. As Executive Chairman, she is responsible to oversee the strategic direction, overall performance and business development of the Group, both Malaysian and overseas operations. She ensures that the operations are managed in line with the Company's mission and vision. Currently, she sits on the Boards of the subsidiaries of the New Hoong Fatt ("NHF") Group.

Madam Kam is the spouse of Mr Chin Jit Sin, sibling of Ms Kam Foong Sim, both are Directors of the Company, and daughter of Madam Wong Ah Moy @ Wong Yoke Len, a major shareholder of the Company.

She has no material conflict of interest with the Group other than that which has been disclosed to the Board of Directors and shareholders in the audited financial statements.

Berusia 52 tahun, Pengerusi Eksekutif

Puan Kam telah dilantik sebagai Pengarah Eksekutif Kumpulan pada 8 April 1998, dan kemudiannya dilantik sebagai Pengerusi Eksekutif pada 15 Mei 2008. Beliau juga merupakan ahli Jawatankuasa Ganjaran. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Perniagaan dari South Australia Institute of Technology [sekarang dikenali sebagai University of South Australia], Australia.

Beliau merupakan seorang penggerak utama dalam pengurusan dan organisasi Kumpulan semenjak memperolehi ijazahnya. Sebagai Pengerusi Eksekutif, beliau bertanggungjawab mengawasi arah strategik, prestasi keseluruhan dan perkembangan perniagaan Kumpulan, untuk kedua-dua operasi di Malaysia dan luar negara. Beliau memastikan bahawa operasinya adalah dikendalikan sejajar dengan misi dan visi Syarikat. Ketika ini, beliau merupakan ahli Lembaga Pengarah bagi subsidiari-subsidiari Kumpulan New Hoong Fatt ("NHF").

Puan Kam adalah isteri kepada Encik Chin Jit Sin, kakak kepada Cik Kam Foong Sim, kedua-duanya merupakan Pengarah-pengarah Syarikat, dan anak kepada Puan Wong Ah Moy @ Wong Yoke Len, seorang pemegang saham utama Syarikat.

Beliau tidak mempunyai percanggahan kepentingan yang mustahak dengan Kumpulan, selain daripada yang telah dikemukakan kepada Lembaga Pengarah dan pemegang-pemegang saham di dalam penyata kewangan yang diaudit.

DIRECTORS' PROFILE (continued)

PROFIL PENGARAH (sambungan)

Chin Jit Sin

Aged 54, Managing Director

Mr Chin is the Group Managing Director of NHF. He was appointed as Executive Director on 8 April 1998 and was re-designated as Managing Director on 25 October 2007. As the Group Managing Director, he acts as Chief Executive Officer of the Group. He holds a Bachelor of Economics (Hons) Degree (major in Business Administration) from University of Malaya.

Mr Chin was attached to a banking institution prior to joining NHF. His experience covers a variety of industries including banking and financial institutions, manufacturing and trading. As the Group Managing Director of NHF, he also oversees the strategic planning, talent management and operational management of the Group, particularly in operational effectiveness and efficiency and ensuring adherence to the Group's policies and procedures. Currently, he sits on the Board of the subsidiaries of the NHF Group.

He is also a director in another public company, namely the Malaysian Automotive Component Parts Manufacturers where he serves as a member of the Executive Committee.

Mr Chin is the spouse of Madam Kam Foong Keng, the Executive Chairman and major shareholder of the Company, and is therefore related to members of her family. He has no direct conflict of interest with the Group.

Berusia 54 tahun, Pengarah Urusan

Encik Chin merupakan Pengarah Urusan Kumpulan di NHF. Beliau dilantik sebagai Pengarah Eksekutif pada 8 April 1998 dan ditukarkan jawatannya kepada Pengarah Urusan pada 25 Oktober 2007. Sebagai Pengarah Urusan Kumpulan, beliau bertindak sebagai Ketua Pegawai Eksekutif bagi Kumpulan. Beliau memperolehi Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) dalam bidang Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Malaya.

Encik Chin pernah menyertai institusi perbankan sebelum menyertai NHF. Pengalaman beliau merangkumi pelbagai industri termasuk perbankan dan institusi kewangan, perkilangan dan perdagangan. Sebagai Pengarah Urusan NHF, beliau turut mengawasi rancangan strategik, pengurusan bakat kakitangan dan pengurusan operasi Kumpulan terutamanya dalam keberkesanan dan kecekapan operasi dan memastikan pematuhan terhadap polisi dan prosedur Kumpulan. Ketika ini, beliau merupakan ahli Lembaga Pengarah bagi subsidiari-subsidiari Kumpulan NHF.

Beliau juga merupakan Pengarah di sebuah syarikat awam yang lain, iaitu 'Malaysian Automotive Component Parts Manufacturers', dimana beliau bertindak sebagai salah seorang ahli Jawatankuasa Eksekutif.

Encik Chin adalah suami kepada Puan Kam Foong Keng, seorang Pengerusi Eksekutif dan pemegang saham utama Syarikat, dan oleh yang demikian, mempunyai hubungan dengan ahli keluarganya. Beliau tidak mempunyai sebarang percanggahan kepentingan yang terus dengan Kumpulan.

DIRECTORS' PROFILE (continued)

PROFIL PENGARAH (sambungan)

Kam Foong Sim

Aged 51, Non-Independent Executive Director

Ms Kam was appointed as Executive Director on 17 May 2001. She holds a Bachelor Degree in Economics (major in Accounting) from University of Adelaide, Australia. She is an accountant by profession and a member of the Certified Practising Accountants Australia and the Malaysian Institute of Accountants.

She had several years of experience in accounting firms and in the commercial sector before joining the NHF Group in 1991, where she oversees finance and accounts. Currently, she sits on the Board of several subsidiaries of the NHF Group.

Ms Kam is the sibling of Madam Kam Foong Keng, a director and major shareholder of the Company, and daughter of Madam Wong Ah Moy @ Wong Yoke Len, who is a major shareholder of the Company.

She has no material conflict of interest with the Group other than that which has been disclosed to the Board of Directors and shareholders in the audited financial statements.

Berusia 51 tahun, Pengarah Eksekutif Bukan Bebas

Cik Kam telah dilantik sebagai Pengarah Eksekutif pada 17 Mei 2001. Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dalam bidang Perakaunan dari University of Adelaide, Australia. Beliau merupakan seorang akauntan yang berkelayakan serta ahli Certified Practising Accountants Australia dan Institut Akauntan Malaysia.

Beliau mempunyai pengalaman sepanjang beberapa tahun di firma-firma perakaunan dan di sektor komersil sebelum menyertai Kumpulan NHF pada tahun 1991, dimana beliau mengawasi bahagian kewangan dan akaun. Ketika ini, beliau merupakan ahli Lembaga Pengarah bagi beberapa subsidiari Kumpulan NHF.

Cik Kam adalah adik kepada Puan Kam Foong Keng, seorang Pengarah dan pemegang saham utama Syarikat, dan anak kepada Puan Wong Ah Moy @ Wong Yoke Len, dimana beliau merupakan seorang pemegang saham utama Syarikat.

Beliau tidak mempunyai percanggahan kepentingan yang mustahak dengan Kumpulan, selain daripada yang telah dikemukakan kepada Lembaga Pengarah dan pemegang-pemegang saham di dalam penyata kewangan yang diaudit.

Wong Yoke Nyen

Aged 57, Independent Non-Executive Director

Mr Wong was appointed as Independent Non-Executive Director on 16 May 2008. He also serves as a member of the Audit, Nomination and Remuneration Committees. With effect from 30 October 2008, he was appointed Chairman of the Audit Committee.

Mr Wong obtained a Bachelor of Arts Degree with Second Class Honours (First Division) after having completed a course in Accountancy from City of London Polytechnic [now known as London Metropolitan University], United Kingdom. He is also a graduate of The Wharton Advance Management Program from Wharton Business School of the University of Pennsylvania, USA.

In 1981, he started his career in Baker Rooke, a firm of chartered accountants in London where he gained wide experience and exposure in the areas of auditing, accountancy and management consultancy work. In 1983, he joined Aseambankers Malaysia Berhad [now known as Maybank Investment Bank Berhad]. His last position in the company was Executive Vice President cum Head of Corporate Finance Division. With more than 20 years of dedicated corporate finance and investment banking experience, in 2004, he started WYNCORP Advisory Sdn Bhd, a private company licensed to provide corporate advisory services.

Mr Wong holds directorships in four other public listed companies, namely XiDeLang Holdings Ltd, Benalec Holdings Berhad, Focus Lumber Berhad and Sentoria Group Berhad, as well as several private limited companies.

Mr Wong does not have any family relationship with any Director and/ or major shareholder of the Company. He has no conflict of interest with the Group.

Berusia 57 tahun, Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Encik Wong telah dilantik sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif pada 16 Mei 2008. Beliau juga merupakan ahli Jawatankuasa-jawatankuasa Audit, Ganjaran dan Pencalonan. Berkuatkuasa dari 30 Oktober 2008, beliau telah dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Audit.

Encik Wong memperolehi Ijazah Sarjana Muda Sastera dengan Kepujian Kelas Kedua (Bahagian Pertama) selepas menamatkan kursus Perakaunan dari City of London Polytechnic [sekarang dikenali sebagai London Metropolitan University], United Kingdom. Beliau juga berkelulusan "Wharton Advance Management Program" dari Wharton Business School, University of Pennsylvania, USA.

Pada tahun 1981, beliau memulakan kerjayanya di Baker Rooke, sebuah firma akauntan berkanun di London dimana beliau memperolehi pengalaman dan pendedahan yang luas dalam bidang pengauditan, perakaunan serta perundingan pengurusan. Pada tahun 1983, beliau menyertai Aseambankers Malaysia Berhad [sekarang dikenali sebagai Maybank Investment Bank Berhad]. Jawatan terakhirnya di syarikat tersebut ialah Timbalan Presiden Eksekutif serta Ketua Bahagian Kewangan Korporat. Dengan memiliki lebih daripada 20 tahun pengalaman di dalam bidang kewangan korporat dan perbankan pelaburan, pada tahun 2014, beliau menubuhkan WYNCORP Advisory Sdn Bhd, sebuah syarikat persendirian yang dilesenkan untuk menyediakan perkhidmatan nasihat korporat.

Encik Wong merupakan Pengarah bagi empat syarikat awam tersenarai yang lain, iaitu XiDeLang Holdings Ltd, Benalec Holdings Berhad, Focus Lumber Berhad dan Sentoria Group Berhad, serta beberapa buah syarikat swasta.

Encik Wong tiada hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/ atau pemegang saham utama Syarikat. Beliau tidak mempunyai sebarang percanggahan kepentingan dengan Kumpulan.

DIRECTORS' PROFILE (continued)

PROFIL PENGARAH (sambungan)

Datuk Dr. Anis bin Ahmad

Aged 70, Independent Non-Executive Director

Datuk Dr. Anis was appointed as Independent Non-Executive Director on 2 December 2002. He also serves as the Chairman of the Remuneration Committee and a member of the Audit Committee and Nomination Committee.

He holds a Ph.D. in Pharmacology from University of Bath, United Kingdom, a Master of Science in Pharmaceutical Technology from University of London and a Bachelor of Pharmacy from University of Singapore.

Datuk Dr. Anis started his career with the Ministry of Health (MoH) in 1968 and served the Malaysian Government in various capacities, namely as Lecturer and Head of Department of Pharmacology in Universiti Kebangsaan Malaysia, Director of the National Pharmaceutical Control Bureau (NPCB) of MoH, Secretary of the Drug Control Authority of MoH, Deputy Director of the Pharmacy Division of MoH and Deputy Director of Health (Pharmacy) for the Department of Health, Johor. He was promoted to Director of NPCB and subsequently to Director of Pharmacy of MoH, where he served until his retirement in 2001.

Currently, Datuk Dr. Anis is the Chairman of the Board of Directors of Y.S.P. Southeast Asia Holding Berhad, and a Director of several private limited companies.

Datuk Dr. Anis does not have any family relationship with any Director and/ or major shareholder of the Company. He has no conflict of interest with the Group.

Berusia 70 tahun, Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Datuk Dr. Anis telah dilantik sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif pada 2 Disember 2002. Beliau juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Ganjaran dan ahli Jawatankuasa Audit dan Jawatankuasa Pencalonan.

Beliau memiliki Falsafah Kedoktoran ("Ph.D.") Farmakologi dari University of Bath, United Kingdom, Ijazah Sarjana dalam Teknologi Sains Farmaseutikal dari University of London dan Sarjana Muda Farmasi dari University of Singapore.

Datuk Dr. Anis memulakan kerjayanya dengan Kementerian Kesihatan (MoH) pada tahun 1968 dan berkhidmat dengan Kerajaan Malaysia dalam pelbagai jawatan, iaitu sebagai Pensyarah dan Ketua Jabatan Farmakologi di Universiti Kebangsaan Malaysia, Pengarah kepada National Pharmaceutical Control Bureau (NPCB) di MoH, Setiausaha di Penguasaan Kawalan Ubat ("Drug Control Authority") di MoH, Timbalan Pengarah di Bahagian Perubatan di MoH dan Timbalan Pengarah Kesihatan (Perubatan) bagi Jabatan Kesihatan, Johor. Beliau dinaikkan pangkat kepada Pengarah NPCB dan seterusnya Pengarah Perubatan bagi MoH, dimana beliau berkhidmat sehingga persaraannya pada tahun 2001.

Ketika ini, Datuk Dr. Anis adalah Pengerusi bagi Lembaga Pengarah di Y.S.P. Southeast Asia Holding Berhad dan Pengarah di beberapa buah syarikat swasta.

Datuk Dr. Anis tiada hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/ atau pemegang saham utama Syarikat. Beliau tidak mempunyai sebarang percanggahan kepentingan dengan Kumpulan.

DIRECTORS' PROFILE (continued)
PROFIL PENGARAH (sambungan)

Danny Ng Siew L'Leong

Aged 57, Independent Non-Executive Director

Mr Ng was appointed as Independent Non-Executive Director on 20 April 1998. He also serves as the Chairman of the Nomination Committee and a member of the Audit Committee and Remuneration Committee.

He graduated with a Bachelor Degree in Agribusiness (Hons) majoring in Financial Management from Universiti Pertanian Malaysia [now known as Universiti Putra Malaysia], Malaysia in 1982. He started his career in the banking and finance industry with United Malayan Banking Corporation Berhad [now known as RHB Bank Berhad] from 1982 to 1994.

He holds directorships in several private limited companies.

Mr Ng does not have any family relationship with any Director and/ or major shareholder of the Company. He has no conflict of interest with the Group.

Berusia 57 tahun, Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Encik Ng telah dilantik sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif pada 20 April 1998. Beliau merupakan Pengerusi Jawatankuasa Pencalonan dan ahli Jawatankuasa Audit dan Jawatankuasa Ganjaran.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perniagaan Tani (Kepujian) dari Universiti Pertanian Malaysia [sekarang dikenali sebagai Universiti Putra Malaysia], Malaysia, dalam bidang Pengurusan Kewangan pada tahun 1982. Beliau memulakan kerjayanya dalam bidang perbankan dan kewangan di United Malayan Banking Corporation Berhad [sekarang dikenali sebagai RHB Bank Berhad] dari 1982 hingga 1994.

Beliau juga merupakan Pengarah syarikat di beberapa buah syarikat swasta.

Encik Ng tiada hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/ atau pemegang saham utama Syarikat. Beliau tidak mempunyai sebarang percanggahan kepentingan dengan Kumpulan.

Notes to Directors' Profile / *Nota-nota kepada Profil Pengarah:*

1. All of the Directors of New Hoong Fatt Holdings Berhad are Malaysians.
   Kesemua Pengarah New Hoong Fatt Holdings Berhad adalah warganegara Malaysia.

2. None of the Directors have any conviction for offences within the past ten (10) years, other than traffic offences, if any.
   Tiada Pengarah pernah disabitkan dengan kesalahan undang-undang dalam tempoh sepuluh (10) tahun yang lalu, selain daripada kesalahan undang-undang trafik, jika ada.

CALENDAR OF EVENTS 2015

TAKWIM PERISTIWA 2015

Date	Events
28 January	Commencement of 6-month Lean Management System Development Program
12 February	In-house workshop on Intellectual Property and Why It Matters: A Senior Management Perspective
10 - 11 March	In-house workshop on Business Continuity Management
16 March	Career Talk held at KBU International College (now known as First City University College)
18 - 19 March	In-house training on Leadership-in-Action, Strategic Planning Session, Design and Development of Sales Module
15 - 16 April	First Aid Awareness Training
19 April	NHF Family Day 2014/2015
24 May	9th Annual Blood Donation and Free Health Check Campaign
3 June	Eighteenth (18th) Annual General Meeting
30 July	Individual Senior Executive Coaching and Team Coaching on Talent Management
11 August	Hari Raya celebration amongst NHF employees
20 September	Badminton Tournament
27 October	Industrial Visit by Selangor Human Resource Development Centre (SHRDC) and HWK Aachen
28 October	Signing of Memorandum of Understanding with SHRDC on Malaysian Meister Program
15 November	Piala Kam Lang Fatt 2015 – Inter-divisional Football Tournament
17 - 18 November	In-house Emergency Response Drill Training
2 - 5 December	Participation in Automechanika Shanghai Exhibition
17 December	Signing of Memorandum of Understanding with SHRDC on Youth Enhancement Strategy (YES) Program

STATEMENT ON CORPORATE GOVERNANCE

The Board of Directors ("Board") of New Hoong Fatt Holdings Berhad ("NHF" or "the Company") is committed to adopt the high standards of corporate governance in the Company in order to safeguard stakeholders' interests as well as enhancing shareholders value. This corporate governance statement sets out the extent to which the Company has applied and complied with the recommendations and best practices set out in the Malaysian Code on Corporate Governance 2012 (MCCG 2012) except where stated otherwise.

A. THE BOARD OF DIRECTORS

1. Roles and Responsibilities of the Board

The Board represents and serves the interest of the shareholders. To fulfill its roles, NHF's Board Charter ("Board Charter") provides guidance to directors and senior management with regards to the roles, responsibilities, powers and composition of the Board. During the fourth quarter of the financial year under review, the Board Charter had been reviewed and updated to provide greater clarity. The Board Charter is available on the Company's website.

The Board retains effective control of the Group and is responsible for overseeing and reviewing the strategic plan, policies and performances of the Group. Strategies and policies, including annual business plan and budget are developed by the Managing Director together with the management, which are then reviewed, constructively challenged and approved by the Board. The Managing Director is responsible to communicate and execute the Group's strategic plan, Leadership Performance Plan which is aimed at achieving business growth, developing people and promoting good governance for a sustainable business. The Managing Director ensures implementation of these plans, people engagement as well as prudent management of the Company's resources. Each quarter, the Board monitors the Group's performance whereby the Managing Director and Chief Financial Officer report to the Board on the financial performance of the Group as well as the development and performance of key business areas.

The Board acknowledges its overall responsibility to maintain effective governance, risk management and compliance framework. Supported by management and internal audit function, the Board ensures the adequacy and effectiveness of the Group's risk management and internal control practices, including compliance with relevant laws and regulations. Compliance relating to risk recognition and management is presented in the Group's Statement on Risk Management and Internal Control as set out separately in this Annual Report.

The Board has determined the appropriate delegations of authority to management as sets out in the Group's Limit of Authority Manual. The scope of authorisation covers both capital and operational expenditure, and approvals in the area of procurement, accounting and financial, administration and legal. Nevertheless, the management reports to the Board on any significant matters affecting the Group even within the delegated mandate.

The Board has adopted a formal schedule of matters specifically reserved to itself for decision and approval, including approval of corporate proposals, appointment of directors, major acquisitions and disposals, annual budget and quarterly financial performance, declaration and recommendation of dividend, as well as approval of corporate policies.

2. Board Composition

The Board consists of six (6) members, comprising the Executive Chairman, Managing Director and an Executive Director, and three (3) Independent Non-Executive Directors. The Nomination Committee had carried out its annual review of the composition of the Board and is of the opinion that the current size and composition of the Board reflects an appropriate balance of Executive and Non-Executive Directors which is adequate for the scope and nature of the Group's business and operations.

The Board aims to maintain an appropriate balance in terms of diversity in experience, skills, competence, calibre and gender in order to have more comprehensive and thorough decision makings. The current Board members possess a diverse range of skills and well-rounded experience in different fields which contribute to an effective board.

Acknowledging gender diversity as an important element of a well-functioning board, the Board is committed to have at least one-third (1/3) of the Board to be represented by women and this is evident in NHF's Board where two (2) Directors are female.

(b) menilai kelayakan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif termasuk dua (2) Pengarah Bebas yang mana tempoh penjawatan mereka telah melebihi kumulatif sembilan (9) tahun;
(c) menyemak prestasi Pengarah-pengarah yang bersara dan mencadangkan mereka kepada Lembaga untuk pelantikan semula;
(d) menyemak saiz lembaga terhadap saiz kumpulan dan kesulitan perniagaannya untuk menilai kesannya terhadap keberkesanan Lembaga;
(e) menyemak Terma Rujukannya;
(f) menyemak dan mengemaskini Kriteria dan Prosess Pengambilan Pengarah;
(g) menyemak dan mengemaskini Polisi Perancangan Penggantian; dan
(h) menyemak rangka kerja penilaian prestasi yang digubal untuk penilaian peringkat pengurusan eksekutif di bawah pengurusan bakat dan pembangunan insan Kumpulan.

Dalam penilaian prestasi tahunan Lembaga, Jawatankuasa Lembaga dan setiap individu Pengarah, setiap Pengarah telah melengkapkan soal selidik yang terperinci dalam borang Penilaian Prestasi Pengarah yang meliputi perkara-perkara yang berkaitan dengan prestasi Lembaga, antara lain, sumbangan kepada interaksi, kualiti input, pemahaman tentang peranan dan perkembangan peribadi. Penilaian bagi setiap Jawatankuasa Lembaga telah dibuat dengan menilai struktur, peranan dan tanggungjawab, prestasi setiap Pengerusi Jawatankuasa, serta prestasi Jawatankuasa terhadap Terma Rujukannya. Penilaian keatas pengarah individu menyediakan pandangan yang bernilai mengenai keperluan latihan dan pembangunan setiap Pengarah. Keputusan penilaian tersebut telah dikumpul, didokumenkan dan seterusnya dilaporkan kepada Lembaga.

Dalam melaksanakan pengawasannya, Lembaga mengakui kepentingan untuk memastikan penggantian telah dipersiapkan bagi kelestarian perniagaan dan prestasi. Polisi Perancangan Penggantian Kumpulan menyenaraikan pengganti berpotensi bagi jawatan utama dalam Kumpulan dan proses yang berkaitan untuk mencari calon berkelayakan bagi jawatan tersebut. Polisi ini memenuhi keperluan strategi Kumpulan dalam mengurangkan risiko yang berkaitan dengan modal insan di peringkat strategik dan operasi. Senarai penggantian ini disemak secara berkala dan dikemas kini untuk mengelakkan gangguan kepada operasi dan fungsi perniagaan yang mungkin disebabkan oleh kekosongan jawatan atas pelbagai sebab.

c. Jawatankuasa Ganjaran

Majoriti ahli Jawatankuasa Ganjaran adalah terdiri daripada Pengarah-pengarah Bukan Eksekutif. Dalam tahun kewangan yang ditinjau, satu (1) mesyuarat telah dijalankan dengan kehadiran seperti berikut:

Nama Pengarah	***Bilangan Mesyuarat Dihadiri***
Datuk Dr. Anis bin Ahmad (Pengerusi)	*1/1*
Danny Ng Siew L'Leong	*1/1*
Wong Yoke Nyen	*1/1*
Kam Foong Keng	*1/1*

Jawatankuasa Ganjaran membantu Lembaga dalam menentukan polisi dan amalan ganjaran yang membolehkan Kumpulan menarik, memberi motivasi dan mengekalkan Pengarah yang berkelayakan. Jawatankuasa Ganjaran menyemak dan mencadangkan kepada Lembaga mengenai pakej ganjaran para Pengarah Eksekutif, manakala imbuhan bagi Pengarah Bukan Eksekutif pula ditentukan oleh keseluruhan Lembaga. Yuran yang dibayar kepada Pengarah adalah tertakluk kepada kelulusan pemegang saham pada mesyuarat agung tahunan Syarikat. Pengarah yang terlibat telah mengecualikan diri daripada mengambil bahagian dalam perbincangan dan keputusan mengenai ganjaran masing-masing.

Dalam mengemukakan cadangannya, Jawatankuasa Ganjaran berpandukan kepada prinsip yang digariskan dalam Polisi Ganjaran Lembaga, yang disemak setiap tahun. Ganjaran Pengarah adalah distruktur untuk menyelaraskan ganjaran kepada prestasi korporat dan individu. Jawatankuasa Ganjaran juga mendapatkan maklumat perbandingan mengenai ganjaran yang dibayar untuk peranan yang sama oleh syarikat awam tersenarai lain dalam industri yang sama.

Butiran ganjaran bagi Pengarah-pengarah dalam Lembaga (tidak termasuk pengarah-pengarah subsidiari) untuk tahun kewangan dalam tinjauan adalah seperti berikut:

	Gaji dan lain-lain Emolumen (RM)	Yuran (RM)	Elaun Kehadiran (RM)	Manfaat Lain (RM)	Jumlah (RM)
Pengarah Eksekutif	2,181,012	115,000*	14,000	77,463	2,387,475
Pengarah Bukan Eksekutif	-	180,000	36,000	-	216,000

* Amaun ini termasuk yuran yang dibayar oleh subsidiari-subsidiari.

Lingkungan bagi Ganjaran Setahun	Pengarah Eksekutif	Pengarah Bukan Eksekutif
RM50,000 hingga RM100,000	-	3
RM300,000 hingga RM350,000	1	-
RM950,000 hingga RM1,000,000	1	-
RM1,050,000 hingga RM1,100,000	1	-

Menurut kontrak perkhidmatan mereka dengan subsidiari Kumpulan, pakej ganjaran Pengarah-pengarah Eksekutif adalah termasuk gantirugi untuk kehilangan jawatan yang bernilai sehingga enam (6) bulan daripada gaji terakhir Pengarah tersebut.

(Bagi tujuan keselamatan, butiran bagi ganjaran Pengarah individu tidak ditunjukkan. Lembaga berpendapat bahawa pendedahan yang dibuat mengenai ganjaran Pengarah di atas telah memenuhi aspek ketelusan dan tanggungjawab di bawah tadbir urus korporat).

8. Pendidikan Berterusan dan Latihan bagi Pengarah

Lembaga mengakui kepentingan latihan berterusan untuk memastikan mereka sentiasa mengikuti perkembangan terkini dalam industri berkaitan dan peraturan terkini. Melalui Jawatankuasa Pencalonan, Lembaga telah melaksanakan penilaian dari segi latihan dan pembangunan yang diperlukan oleh setiap pengarah. Dalam tahun kewangan yang ditinjau, semua Pengarah telah mengambil bahagian dalam pelbagai program latihan, dimana antaranya merupakan latihan dalaman. Butir-butir mengenai seminar dan kursus yang dihadiri adalah seperti berikut:

Nama Pengarah	***Tarikh***	***Tajuk Seminar / Kursus Latihan***
Kam Foong Keng	*3 - 5 Februari 2015*	*Kuasa Perubahan*
	12 Februari 2015	*Harta Intelek dan Kepentingannya: Perspektif Pengurusan Kanan*
	3 Mac 2015	*Taklimat Kesedaran GST oleh Proton*
	10 - 11 Mac 2015	*Bengkel Pengurusan Kesinambungan Perniagaan*
	28 Julai 2015	*Siri Pengerusi Lembaga Bahagian 2: Kecemerlangan Kepimpinan Pengerusi*
	22 September 2015	*Membina & Mengekalkan Perniagaan yang Cemerlang*
	3 November 2015	*Ceramah Ketua Pegawai Eksekutif Vistage - Sorotan Belanjawan 2016 - Pembiayaan Ekuiti*
Chin Jit Sin	*12 Februari 2015*	*Harta Intelek dan Kepentingannya: Perspektif Pengurusan Kanan*
	10 - 11 Mac 2015	*Bengkel Pengurusan Kesinambungan Perniagaan*
	22 September 2015	*Membina & Mengekalkan Perniagaan yang Cemerlang*
	3 November 2015	*Ceramah Ketua Pegawai Eksekutif Vistage - Sorotan Belanjawan 2016 - Pembiayaan Ekuiti*
Kam Foong Sim	*12 Februari 2015*	*Harta Intelek dan Kepentingannya: Perspektif Pengurusan Kanan*
	24 Mac 2015	*Persidangan Jawatankuasa Audit 2015 - Menyahut Cabaran Baru*
Wong Yoke Nyen	*7 Mei 2015*	*Persidangan Lembaga Pengawasan Audit bersama Jawatankuasa Audit*
	13 Jun 2015	*Siri Analisis Teknikal: Merapatkan Jurang antara Analisis Fundamental dan Analisis Teknikal*
	8 Ogos 2015	*Bersedia untuk Krisis Kewangan Global Seterusnya*
	4 November 2015	*Seminar Cukai & Korporat Tricor ke-11*
Danny Ng Siew L'Leong	*22 September 2015*	*Kongres CPA 2015 - Kepimpinan, Strategi, Perniagaan*
Datuk Dr. Anis bin Ahmad	*24 Mac 2015*	*Persidangan Jawatankuasa Audit 2015 - Menyahut Cabaran Baru*

9. Kod Peraturan dan Kelestarian

Tadbir urus yang baik di semua peringkat adalah penting untuk pembangunan lestari. Lembaga komited untuk mewujudkan budaya korporat yang menggalakkan kelakuan beretika dalam organisasi dan memastikan bahawa perniagaannya dijalankan dengan integriti dan ketelusan. Polisi-polisi seperti Polisi Pendedahan Penyelewengan ("Whistle-blowing") dan Penipuan menyediakan platform untuk pihak berkepentingan menyalurkan sebarang laporan mengenai tingkah laku yang tidak beretika atau menyalahi undang-undang di dalam Syarikat, bagi menggalakkan akauntabiliti dan untuk meningkatkan etika peribadi dalam urusan mereka dengan Kumpulan. Kumpulan mempunyai pelbagai polisi lain sebagai panduan dan bimbingan kepada semua Pengarah, Pengurusan Kanan, Kakitangan dan pihak luar dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka yang akan mengutamakan kepentingan Kumpulan.

Lembaga mengakui kepentingan untuk mengekalkan kelestarian perniagaan dan mengambil kira kesan keatas alam sekitar, sosial dan tadbir urus dalam mengendalikan perniagaan Kumpulan.

Aktiviti-aktiviti tanggungjawab korporat sosial Kumpulan bagi tahun kewangan yang ditinjau adalah dinyatakan dalam Takwim Peristiwa serta dalam Penyata Kelestarian dan Tanggungjawab Korporat Sosial di dalam Laporan Tahunan ini.

10. Pendedahan Korporat

Syarikat komited untuk memberi maklumat mengenai Syarikat yang tepat pada masanya, betul, lengkap dan sama rata kepada pemegang saham, pemegang berkepentingan dan pelabur awam, selaras dengan keperluan pendedahan korporat yang dinyatakan di dalam Syarat-syarat Penyenaraian Pasaran Utama ("Syarat-syarat Penyenaraian"). Maklumat yang tepat pada masanya adalah penting ke arah membina dan mengekalkan kredibiliti korporat Kumpulan, integriti pasaran dan menggalakkan keyakinan pelabur. Syarikat telah mewujudkan Polisi Pendedahan Korporat dan Perhubungan Pelabur yang memberi panduan kepada pengurusan dan kakitangan mengenai keperluan pendedahan dan pengendalian maklumat penting Syarikat.

B. PEMEGANG SAHAM DAN HUBUNGAN PELABUR

Syarikat komited untuk sentiasa mendedahkan dan menyebarkan maklumat yang menyeluruh dan tepat pada masanya kepada pemegang saham, pemegang berkepentingan dan pelabur awam.

Lembaga memastikan komunikasi yang berkesan dengan pemegang saham melalui:

- *(i) Laporan Tahunan, yang mengandungi maklumat seperti penilaian perniagaan Kumpulan, penyata kewangan, dan maklumat mengenai Jawatankuasa Audit, Tadbir Urus Korporat, Kelestarian dan Tanggungjawab Korporat Sosial serta Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman;*
- *(ii) pelbagai pengumuman yang dibuat kepada Bursa Sekuriti, termasuk pengumuman yang tepat pada waktunya mengenai keputusan kewangan setiap suku tahun. Pada masa yang sama, Syarikat memuatnaik semua pengumuman ke dalam laman webnya dan mengamalkan satu polisi untuk membuat pengumuman awam kepada surat khabar utama dan media awam;*
- *(iii) dialog yang kerap bersama penganalisa dan pengurus dana yang mewakili pemegang saham individu atau institusi;*
- *(iv) melayani pertanyaan daripada pemegang saham dan pelabur melalui e-mel dan telefon; dan*
- *(v) laman web Syarikat di www.newhoongfatt.com.my yang mengandungi Piagam Lembaga, laporan tahunan, pengumuman laporan kewangan suku tahunan, siaran-siaran akhbar, pembentangan taklimat untuk penganalisa, laporan penganalisa, dan maklumat korporat yang lain mengenai NHF.*

Notis mesyuarat yang menyatakan agenda bagi mesyuarat agung tahunan berserta laporan tahunan dihantar kepada pemegang saham dalam tempoh yang ditetapkan, untuk memaksimumkan kehadiran pemegang saham. Serentak dengan itu, notis mesyuarat agung tahunan diiklankan di dalam surat akhbar. Bagi membantu pemegang saham untuk membuat keputusan bermaklumat, notis mesyuarat juga disertakan dengan nota-nota penjelasan mengenai perkara-perkara yang bakal dibincangkan untuk menjelaskan dengan tepat jenis perbincangan dalam mesyuarat.

Mesyuarat agung tahunan menyediakan peluang untuk Syarikat berkomunikasi dengan para pemegang saham, yang diberikan peluang yang mencukupi untuk mengemukakan soalan sama ada yang berkaitan dengan isu-isu dalam agenda, Laporan Tahunan, strategi atau perkembangan dalam Kumpulan. Para pemegang saham digalakkan menghadiri mesyuarat agung tahunan supaya dapat berinteraksi secara langsung dengan Lembaga untuk memperoleh pemahaman yang penuh mengenai Syarikat dari segi prestasi, tadbir urus atau pengurusan risiko. Juruaudit Luaran juga hadir pada mesyuarat agung tahunan dan bersedia untuk menjawab soalan daripada pemegang saham yang berkaitan dengan audit dan laporan juruaudit. Pemegang saham yang tidak dapat menghadiri mesyuarat agung tahunan dibenarkan untuk melantik seorang atau sehingga dua (2) orang proksi untuk menghadiri dan mengundi bagi pihaknya. Hasil mesyuarat ini diumumkan kepada Bursa Sekuriti pada hari yang sama, yang juga boleh diakses di laman web Syarikat.

Berdasarkan semakan yang dibuat oleh Jawatankuasa Pencalonan, Encik Danny Ng Siew L'Leong dikekalkan sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Kanan Syarikat dimana sebarang persoalan daripada para pemegang saham boleh disalurkan kepada beliau. Tiada sebarang pertanyaan daripada pemegang saham yang dikemukakan kepada beliau sepanjang tahun kewangan dalam tinjauan.

C. AKAUNTABILITI DAN AUDIT

1. Jawatankuasa Audit dan Laporan Kewangan

Lembaga berhasrat untuk membentangkan penilaian yang tepat dan lengkap mengenai kedudukan kewangan dan prospek Kumpulan melalui penyata kewangan tahunan dan pengumuman keputusan kewangan suku tahunan. Jawatankuasa Audit bertanggung-jawab untuk menyelia struktur dan sistem pengurusan Kumpulan yang dibentuk untuk melindungi integriti laporan kewangan Syarikat. Setiap laporan kewangan dan maklumat yang akan didedahkan adalah disemak oleh Jawatankuasa Audit dan diluluskan oleh Lembaga sebelum diserahkan kepada Bursa Sekuriti dan Suruhanjaya Sekuriti. Pengumuman suku tahunan dan laporan kewangan tahunan yang dibuat tepat pada masanya mencerminkan akauntabiliti Lembaga kepada pemegang-pemegang sahamnya.

Butiran penuh mengenai komposisi, aktiviti dan fungsi audit dalaman Jawatankuasa Audit dinyatakan dalam Laporan Jawatankuasa Audit di dalam laporan tahunan ini.

2. Penyata Tanggungjawab Pengarah-pengarah berhubung dengan Penyata Kewangan

Lembaga berusaha untuk memastikan bahawa penyata kewangan tahunan memberi gambaran yang benar dan wajar mengenai hal-ehwal dan keputusan operasi Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan yang baru berakhir. Seperti yang dikehendaki oleh Akta Syarikat, 1965 dan Syarat-syarat Penyenaraian, penyata kewangan ini telah disediakan mengikut piawaian dan polisi perakaunan yang diluluskan di Malaysia.

Semasa penyediaan penyata kewangan, Lembaga telah menggunakan polisi perakaunan yang sesuai secara konsisten dan membuat pertimbangan dan anggaran yang munasabah dan berhemat. Penyata kewangan telah disediakan berasas kepada andaian kemajuan perniagaan berterusan.

Lembaga bertanggungjawab untuk memastikan bahawa rekod perakaunan yang sewajarnya disimpan, dimana ia dapat menyatakan dengan ketepatan yang munasabah mengenai kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat.

Lembaga juga bertanggungjawab untuk mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk melindungi aset Kumpulan dan mencegah serta mengesan penipuan dan kepincangan yang lain.

3. Hubungan dengan Juruaudit

Peranan Jawatankuasa Audit berkaitan dengan Juruaudit luaran dan dalaman adalah dibentangkan dalam Laporan Jawatankuasa Audit di dalam Laporan Tahunan ini.

Lembaga melalui Jawatankuasa Audit mengekalkan hubungan yang rasmi dan telus dengan Juruaudit dalaman dan luarannya. Sebarang perkara terutamanya yang berkaitan dengan pengurusan risiko, sistem kawalan dalaman dan hal-hal pematuhan Kumpulan akan diketengahkan semasa mesyuarat di antara kedua-dua Jawatankuasa Audit dan Lembaga dengan Juruaudit Luaran. Kumpulan mendapatkan khidmat Juruaudit Luaran untuk melaksanakan beberapa perkhidmatan bukan audit termasuk semakan Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman dan semakan Penyata Keuntungan atau Kerugian Terealisasi dan Belum Terealisasi.

Sepanjang tahun kewangan ini, Jawatankuasa Audit telah bertemu dengan Juruaudit Luaran sebanyak dua (2) kali tanpa kehadiran pengurusan dan pengarah-pengarah eksekutif bagi membincangkan sebarang isu penting yang memerlukan perhatian Jawatankuasa Audit.

D. MAKLUMAT PEMATUHAN TAMBAHAN

1. Kontrak-kontrak Penting yang melibatkan Pengarah-pengarah dan/atau Pemegang Saham Utama

Selain daripada yang dikemukakan di dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat, tiada kontrak penting yang dimeterai atau wujud di antara Syarikat dan/atau subsidiarinya yang melibatkan kepentingan Pengarah dan pemegang saham utama dalam tahun kewangan dalam tinjauan.

2. Pengenaan Sekatan dan/atau Penalti

Tiada sekatan dan/atau penalti ketara yang dikenakan keatas Syarikat dan subsidiarinya, para Pengarah atau pengurusan oleh badan-badan kawal selia yang berkaitan semasa tahun kewangan dalam tinjauan.

3. Yuran Bukan Audit

Yuran untuk perkhidmatan bukan audit yang dikenakan kepada Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015 adalah sebanyak RM5,500.

Jawatankuasa Audit memastikan bahawa kebebasan dan objektiviti Juruaudit Luaran tidak terjejas apabila meluluskan perkhidmatan bukan audit yang diberi oleh Juruaudit Luaran.

PENYATA PEMATUHAN KOD

Lembaga berpuas hati bahawa Kumpulan telah mematuhi sebahagian besar daripada Amalan-amalan Terbaik dalam MCCG 2012 sepanjang tahun kewangan. Lembaga komited dan akan terus mengukuhkan pematuhannya kepada amalan-amalan terbaik dalam tadbir urus korporat bagi melindungi kepentingan para pemegang saham dan pihak berkepentingan yang lain.

Penyata Tadbir Urus Korporat ini telah disediakan selaras dengan resolusi Lembaga yang bertarikh 23 Februari 2016.

AUDIT COMMITTEE REPORT

1. MEMBERSHIP AND MEETINGS

The Audit Committee of the Company was established to assist and advise the Board in matters relating to the Group's internal and external audit functions, risk management and compliance, financial reporting and corporate governance.

The Audit Committee consists of three (3) independent non-executive directors and the composition of the Audit Committee is in compliance with Paragraph 15.09 of the Main Market Listing Requirements of Bursa Malaysia Securities Berhad.

During the financial year, the Audit Committee held four (4) meetings and the attendance of each member at the meetings are set out below.

Composition of Committee	No. of Meetings Attended
Wong Yoke Nyen Chairman, Independent Non-Executive Director	4/4
Danny Ng Siew L'Leong Independent Non-Executive Director	4/4
Datuk Dr. Anis bin Ahmad Independent Non-Executive Director	4/4

2. TERMS OF REFERENCE OF THE AUDIT COMMITTEE

The Audit Committee has adopted a set of Terms of Reference that guides the discharge of its roles and responsibilities particularly in the areas of financial reporting and audit, internal control and risk management; sets out the rights of the Audit Committee as well as regulates the conduct of the Audit Committee and its members. The details of the Terms of Reference are available on the Company's website at www.newhoongfatt.com.my. The Audit Committee had reviewed its Terms of Reference during the financial year under review and made certain revisions to provide for greater clarity in respect of its functions and duties, as well as meeting procedures.

3. SUMMARY OF ACTIVITIES

During the financial year under review, the Audit Committee carried out the following activities:

3.1 Financial Reporting

(a) reviewed the quarterly financial results of the Group;
(b) reviewed the quarterly financial results of the Group against budget; and
(c) reviewed the audited financial statements of the Company and of the Group with the External Auditors.

3.2 External Audit

(a) reviewed the external audit plan, scope and nature of statutory audit of the Group's financial statements prior to the commencement of audit;
(b) reviewed the external audit reports and the results of the External Auditors' examination on the financial statements of the Group;
(c) reviewed the External Auditors' recommendations and Management responses in relation thereto;
(d) considered the relevant accounting treatment on the investment properties of the Group in line with the applicable accounting standard;
(e) reviewed and discussed the impact of new and proposed changes in Malaysian Financial Reporting Standards and other new developments in financial reporting with the External Auditors, particularly the revised auditors reporting standard which may impact the future contents of the audited financial statements;
(f) met twice with the External Auditors without any executives and senior management present except the Company Secretary, where no significant issues were highlighted to the Audit Committee and the External Auditors had also expressed their satisfaction with the working relationship they had with the Management;

(g) reviewed the suitability of the External Auditors for re-appointment through a performance and independence checklist which had been adopted by the Audit Committee, taking into consideration amongst others, their independence, performance, competence, experience of audit team assigned, provision of non-audit services and audit fees; and
(h) received from the External Auditors their written assurance confirming their professional independence to the audit engagement. Based on the results of the assessment, the Audit Committee was of the opinion that the External Auditors are independent and competent during their tenure in office, and recommended them to continue in office for the ensuing year.

3.3 Internal Audit

(a) reviewed the internal audit plan to ensure that the scope of work covers key risk areas;
(b) reviewed the internal audit reports and adequacy of the internal controls of the Group, together with audit issues and recommendations arising from the audit and Management's responses in relation thereto;
(c) reviewed the follow-up reports on status of the implementation of action plans by the Management in addressing the areas for improvements as reported from the previous audit reviews;
(d) assessed the internal audit function with a view to enhance the quality of internal audit processes for better risk management;
(e) took note of the exit interview reports conducted by the Internal Auditors with senior management staffs as part of the Group's human resource retention strategy; and
(f) assessed the performance of the Internal Auditors and considered their re-appointment and their audit fees.

3.4 Risk Management

(a) reviewed on a quarterly basis the enterprise risk management reports of the Group, including Key Risk Indicators identified and monitored;
(b) reviewed the standard operating procedures for related party transactions (RPT) and/or recurrent related party transactions (RRPT) including assessment of the nature of transactions, terms and pricing in order to ensure relevance of the existing processes against market practices;
(c) assessed the level of risk exposure arising from existing RRPT and the business environment in which the related parties operate in order to better manage the Group's risk appetite and tolerance;
(d) reviewed on quarterly basis RPT and/or RRPT or conflict of interest situations that may arise within the Group. There was no new RPT or RRPT which had arisen during the year; and
(e) met with senior management in order to be kept informed of operational matters affecting the Group.

3.5 Corporate Governance

(a) carried out an annual assessment on the adequacy and effectiveness of the risk management and internal control system of the Group via a documented checklist;
(b) reviewed the Audit Committee Report and Statement on Risk Management and Internal Control for inclusion into the annual report and ensured that these reports were prepared in accordance with the applicable requirements; and
(c) received updates from the External Auditors on financial reporting standards and legal developments and considered relevant compliances in particularly the need to be ready for the new timeline of Annual Report submission including the assessment of the potential impact arising from the new auditors reporting standard on the future audit planning, work and processes.

4. INTERNAL AUDIT FUNCTION

The Internal Auditors report directly to the Audit Committee and provide the Committee with independent and objective evaluation on the state of internal controls of the Group, and the extent of compliance of the divisions with the Group's established policies and procedures as well as relevant statutory requirements. The Group's internal audit function is outsourced, and therefore, is independent of the activities they audit.

During the financial year under review, the Internal Auditors have completed three (3) internal audit reviews covering the following operations:

(a) Manufacturing processes of the metal division;
(b) Operations in the subsidiary in China;
(c) Operations in Segambut, Kuala Lumpur branch; and
(d) Mould making division.

The Internal Auditors have identified several areas for improvement on scrap items, inventories management, sales process and handling, sales delivery, warehouse operations, customer service, documentation and records. Recommendations for improvement were highlighted to the Management for consideration and action. The internal audit reports also covered the follow-up review on the outstanding implementation and action plans as recommended in the earlier reports. The Audit Committee had reviewed all the internal audit and follow-up review reports with the Internal Auditors and ensured that appropriate actions were implemented by Management on a timely basis.

The cost incurred for the Group's internal audit function during the financial year amounted to RM59,289.

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT

1. KEAHLIAN DAN MESYUARAT

Jawatankuasa Audit Syarikat telah ditubuhkan untuk membantu dan menasihati Lembaga dalam hal-hal yang berkaitan dengan fungsi audit dalaman dan luaran Kumpulan, pengurusan risiko dan pematuhan, laporan kewangan dan tadbir urus korporat.

Jawatankuasa Audit terdiri daripada tiga (3) pengarah bebas bukan eksekutif dan komposisi Jawatankuasa Audit ini mematuhi Perenggan 15.09 Syarat-syarat Penyenaraian Pasaran Utama, Bursa Malaysia Securities Berhad.

Dalam tahun kewangan ini, Jawatankuasa Audit telah mengadakan empat (4) mesyuarat dan kehadiran setiap ahli di mesyuarat tersebut adalah seperti berikut.

Komposisi Jawatankuasa	Bilangan Mesyuarat Dihadiri
Wong Yoke Nyen Pengerusi, Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	4/4
Danny Ng Siew L'Leong Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	4/4
Datuk Dr. Anis bin Ahmad Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	4/4

2. TERMA-TERMA RUJUKAN JAWATANKUASA AUDIT

Jawatankuasa Audit telah mengguna pakai satu set terma rujukan yang menjadi panduan dalam pelaksanaan tugas-tugas dan tanggungjawab-tanggungjawabnya terutamanya perkara berkaitan laporan kewangan dan audit, kawalan dalaman dan pengurusan risiko; menjelaskan hak-hak Jawatankuasa Audit dan juga mengawal peraturan di kalangan Jawatankuasa Audit dan ahli-ahlinya. Butiran mengenai terma-terma rujukan tersebut boleh didapati di laman web Syarikat di www.newhoongfatt.com.my. Jawatankuasa Audit telah menyemak Terma Rujukannya semasa tahun kewangan dalam tinjauan dan telah membuat beberapa semakan untuk memberikan penjelasan lanjut berkenaan fungsi dan tugasnya, serta berkaitan prosedur mesyuarat.

3. RINGKASAN KEGIATAN

Sepanjang tahun kewangan dalam tinjauan, Jawatankuasa Audit telah menjalankan kegiatan-kegiatan berikut:

3.1 Laporan Kewangan

(a) menyemak keputusan kewangan suku tahunan Kumpulan;
(b) menyemak keputusan kewangan suku tahunan Kumpulan berbanding belanjawan; dan
(c) menyemak penyata kewangan beraudit bagi Syarikat dan Kumpulan bersama dengan Juruaudit Luaran.

3.2 Audit Luaran

(a) menyemak perancangan audit luaran, skop dan dasar audit berkanun keatas penyata kewangan Kumpulan sebelum permulaan audit;
(b) menyemak laporan audit luaran dan hasil keputusan pemeriksaan Juruaudit Luaran keatas penyata kewangan Kumpulan;
(c) menyemak saranan daripada Juruaudit Luaran dan tindak balas Pengurusan berhubung dengan saranan tersebut;
(d) mempertimbangkan kaedah perakaunan yang wajar keatas pelaburan hartanah Kumpulan menurut piawaian perakaunan yang terpakai;
(e) menyemak dan membincangkan tentang kesan perubahan dalam Piawaian Laporan Kewangan Malaysia yang baru dan dicadangkan serta perkembangan baru dalam laporan kewangan yang lain bersama dengan Juruaudit Luaran, terutamanya berkaitan dengan semakan semula piawaian laporan juruaudit yang akan memberi kesan kepada kandungan penyata kewangan yang diaudit pada masa akan datang;
(f) bertemu sebanyak dua kali dengan Juruaudit Luaran tanpa kehadiran mana-mana eksekutif dan pengurusan kanan kecuali Setiausaha Syarikat, dimana tiada isu-isu penting telah dikemukakan kepada Jawatankuasa Audit dan Juruaudit Luaran juga telah melahirkan rasa puas hati mereka terhadap hubungan kerja dengan Pengurusan;

(g) menyemak kesesuaian Juruaudit Luaran untuk pelantikan semula melalui senarai semak prestasi dan kebebasan yang telah diterima pakai oleh Jawatankuasa Audit, dengan mengambil kira antara lain, faktor kebebasan, prestasi, kecekapan, pengalaman pasukan audit, termasuk peruntukan untuk perkhidmatan bukan audit serta yuran audit; dan

(h) menerima jaminan bertulis daripada Juruaudit Luaran yang mengesahkan kebebasan profesional mereka berkenaan penglibatan audit. Berdasarkan keputusan penilaian tersebut, Jawatankuasa Audit berpendapat bahawa Juruaudit Luaran adalah bebas dan berwibawa sepanjang tempoh mereka memegang jawatan, dan mencadangkan mereka untuk menyambung perkhidmatan bagi tahun yang berikutnya.

3.3 Audit Dalaman

(a) menyemak perancangan audit dalaman bagi memastikan skop kerja meliputi bidang risiko utama;

(b) menyemak laporan audit dalaman dan kecukupan kawalan dalaman Kumpulan, serta isu-isu dan saranan yang timbul daripada audit dan tindak balas Pengurusan berkenaan isu-isu tersebut;

(c) menyemak laporan susulan mengenai status pelaksanaan pelan tindakan oleh Pengurusan dalam mengenalpasti ruang untuk penambahbaikan seperti yang dilaporkan daripada semakan audit sebelumnya;

(d) menilai fungsi audit dalaman dengan tujuan untuk meningkatkan kualiti proses audit dalaman bagi pengurusan risiko yang lebih baik;

(e) mengambil perhatian terhadap laporan temu duga keluar yang dijalankan oleh Juruaudit Dalaman dengan kakitangan pengurusan kanan sebagai sebahagian daripada strategi pengurusan sumber manusia Kumpulan; dan

(f) menilai prestasi Juruaudit Dalaman dan mempertimbangkan pelantikan semula dan yuran audit mereka.

3.4 Pengurusan Risiko

(a) menyemak laporan pengurusan risiko perusahaan Kumpulan pada setiap suku tahun, termasuk Penunjuk Risiko Utama yang dikenal pasti dan dipantau;

(b) menyemak prosedur operasi standard bagi urus niaga pihak berkaitan (RPT) dan/atau urus niaga berulang dengan pihak berkaitan (RRPT) termasuk penilaian terhadap dasar urusniaga, terma dan harga untuk memastikan kesesuaian proses sedia ada berbanding dengan amalan pasaran;

(c) menilai tahap pendedahan risiko yang timbul daripada RRPT sedia ada dan persekitaran perniagaan dimana pihak yang berkaitan beroperasi untuk menguruskan penerimaan dan toleransi risiko Kumpulan dengan lebih baik;

(d) menyemak RPT dan/atau RRPT atau percanggahan kepentingan yang mungkin timbul dalam Kumpulan pada setiap suku tahun. Tiada RPT atau RRPT baru yang timbul sepanjang tahun ini; dan

(e) bertemu dengan pengurusan kanan untuk dimaklumkan tentang perkara-perkara operasi yang mempengaruhi Kumpulan.

3.5 Tadbir Urus Korporat

(a) menjalankan satu penilaian tahunan mengenai kecukupan dan keberkesanan pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman Kumpulan melalui senarai semak yang didokumenkan;

(b) menyemak Laporan Jawatankuasa Audit serta Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman untuk dimasukkan ke dalam laporan tahunan dan memastikan bahawa laporan-laporan ini telah disediakan menurut syarat-syarat yang berkaitan; dan

(c) menerima kemas kini daripada Juruaudit Luaran mengenai perkembangan dalam piawaian laporan kewangan dan undang-undang serta mempertimbangkan pematuhan berkaitan terutamanya persiapan untuk garis masa baru bagi penyerahan Laporan Tahunan termasuk penilaian terhadap kesan yang mungkin timbul daripada piawaian laporan juruaudit yang baru bagi perancangan audit, kerja-kerja dan proses-proses yang akan datang.

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT *(sambungan)*

4. FUNGSI AUDIT DALAMAN

Juruaudit Dalaman melapor terus kepada Jawatankuasa Audit dengan memberikan penilaian yang bebas dan objektif mengenai kawalan dalaman Kumpulan dan tahap pematuhan setiap bahagian terhadap polisi dan prosedur yang telah diwujudkan oleh Kumpulan serta syarat-syarat berkanun yang berkaitan. Fungsi audit dalaman Kumpulan adalah daripada khidmat luaran, dan oleh itu, ia bebas daripada aktiviti-aktiviti audit mereka.

Sepanjang tahun kewangan dalam tinjauan, Juruaudit Dalaman telah melengkapkan tiga (3) tugasan audit dalaman yang merangkumi operasi-operasi berikut:

(a) Proses pengeluaran di bahagian logam;
(b) Operasi subsidiari di China;
(c) Operasi di cawangan Segambut, Kuala Lumpur; dan
(d) Bahagian pembuatan acuan.

Juruaudit Dalaman telah mengenal pasti beberapa ruang untuk penambahbaikan berkaitan barangan sekerap, pengurusan inventori, proses dan pengendalian jualan, penghantaran jualan, operasi gudang, perkhidmatan pelanggan, dokumentasi dan rekod. Cadangan untuk penambahbaikan telah dikemukakan untuk pertimbangan dan tindakan Pengurusan. Laporan audit dalaman juga meliputi semakan susulan pelaksanaan dan pelan tindakan yang tertunda seperti yang telah dicadangkan di dalam laporan terdahulu. Jawatankuasa Audit telah menyemak semua laporan audit dalaman dan laporan semakan susulan dengan Juruaudit Dalaman dan memastikan tindakan yang sewajarnya telah dilaksanakan oleh Pengurusan tepat pada masanya.

Kos yang ditanggung untuk fungsi audit dalaman Kumpulan sepanjang tahun kewangan adalah berjumlah RM59,289.

STATEMENT ON RISK MANAGEMENT AND INTERNAL CONTROL

OBJECTIVE AND BOARD RESPONSIBILITIES

The Board has the ultimate responsibility for establishing and maintaining a sound system of risk management and internal control that support the Group's objective and strategy while safeguarding shareholders' investments and Group's assets. The Board is also responsible to monitor and address areas of weaknesses to ensure that these systems continue to operate effectively.

To discharge these responsibilities, the Board is assisted by the Management and outsourced Internal Auditors in developing, reviewing and monitoring sound practices for managing risks, and for providing assurance that risk management and internal control practices are implemented and adhered to within the Group.

These systems are designed to manage rather than eliminate risks of failure to achieve the business objectives. Accordingly, the processes can only provide reasonable but not absolute assurance against material misstatement or loss.

BUSINESS PROCESSES AND RISK MANAGEMENT

Standard Operating Procedures

To facilitate compliance with relevant laws, regulations and standards, the Group has developed Standard Operating Procedures (SOPs) addressing all critical and significant risks of the Group's operations. These SOPs are continuously reviewed for accuracy and streamlined to enhance its efficiency and effectiveness. The SOPs are maintained in a database by the Quality Assurance department and communicated to the relevant individuals. All levels within the Group are required to adhere to these SOPs, on top of other documented policies and guidelines to help ensure that processes are executed according to the procedures set.

The Group's operations in Malaysia are certified under ISO 9001: Quality Management System. This demonstrates the Group's commitment to deliver consistent product quality through continual improvement and conformity to standards.

Risk Management

The Group adopted Enterprise Risk Management (ERM) framework to systematically identify, assess and mitigate current and emerging risks that are critical to its strategic targets and business plans. The framework covers financial, operational and environmental controls, Management Information Systems, as well as compliance with relevant laws, regulations, rules and guidelines.

The ERM reports were submitted on a quarterly basis by risk owners to the Management for review with the Managing Director. Risk owners consist of head of departments who are responsible to identify, develop and implement controls and action plans to reduce the impact of risks relating to their control areas through a combination of preventive, detective and corrective measures. All risks are rated according to the impact and likelihood of occurrence. The Management particularly focuses on controllable threats with high impact rating that would be detrimental to its business growth, governance or people, regardless of the likelihood of risk occurrence. Any significant new risks and changes in the current risk level are recorded in the ERM reports.

During the financial year under review, the Management has identified new risks relating to product distribution, information system security, as well as safety and health issues whereby appropriate controls and management action plans had been put in place to mitigate these risks. Meetings between Management and risk owners were held twice during the year to re-assess the risks in response to changes in the business environment.

Management also monitors potential future shifts in risk profiles and new emerging risk through Key Risk Indicators (KRIs) and Risk Indicators (RIs). Information such as number of customer complaints, fluctuation in raw material prices and staff attrition rate are some of the indicators being monitored to alert management of potential risks events and to assess the effectiveness of controls that are in place. The KRIs and RIs are updated on a quarterly basis in which actual data are measured against the target set for the year.

The ERM framework is embedded in all aspects of the Group's activities and processes including its overseas operations. During the financial year under review, no changes to risk levels were recorded in the overseas operations, and the Management had been constantly focusing on strengthening its human capital and expanding marketing strategies to drive business growth.

Further progress was made to enhance the Group's Business Continuity Plan (BCP) during the financial year under review, with the establishment of a recovery plan in the event of flood. The Management has taken appropriate measures to barricade its business premise in Meru, Klang to ward off flood waters while the recovery plan was established detailing recovery activities following the disaster. The BCP supports the Group's existing Emergency Response Plan (ERP) and it has been communicated to all relevant individuals.

Financial Reporting

The Finance team, led by the Chief Financial Officer, is responsible to manage the risks associated with the financial reporting processes, such as risks emerging from fraud, material misstatement or misuse of assets. Besides adhering to SOPs on accounting practices and reporting, Limits of Authority (LOA) manual is used consistently throughout the Group to ensure that all transactions are properly authorised, recorded and executed in accordance with the stipulated guidelines. The LOA provides clear guidelines and procedures which facilitate timely, effective and quality decision making. The LOA manual was updated in the financial year under review to include the appropriate approval on stock count adjustments.

The Group has a comprehensive budgeting process where annual budget and revised budget are approved by the Board, to guide and control capital expenditure and expenses for the following year. The Audit Committee reviews the annual budget and business plans, the Group's performance against the annual budget, the Group's quarterly and annual financial reports and internal controls with the Management, and subsequently reports to the Board.

The Executive Directors preside over most of the regular management meetings. These meetings are a platform for reviewing financial performance, as well as business and operational issues including internal control matters and risk management.

Information and Communication Systems

The Group recognises the role of information and communication technology in promoting effectiveness and efficiencies in its business. Therefore, the Group is committed to maintain proper records and processes to generate timely, relevant and reliable information from within and outside the Company to support the Group's business operations and decision making. The Group uses comprehensive computer systems to cater for different requirements, including Enterprise Resource Planning, personnel management, payroll, accounting and financial reporting systems.

During the year, in response to the risks inherent to information technology and communication system, the Group had improved its recovery plan to restore business activities and minimise business disruptions due to system failures. Meanwhile, current security measures were enhanced to ensure reliability and security of information.

Strategic Business Planning

The Leadership Performance Plan (LPP) provides a clear path for the Group to achieve its long term business objectives. By having a clearly stated mission, it guides the Group to move forward efficiently and offers opportunity to identify the required resources and areas for growth towards accomplishing its mission.

Developing people continues to be the Group's top priority to create the competitive advantage in achieving sustainable business and profitability growth. The Group is committed to ensure that it has sufficient human resources to fulfill its business objectives, and had further strengthened its Talent Management Program in 2015. Succession Planning Policy that lists qualified candidates to fill key positions is in place to ensure leadership stability and uninterrupted business in the event of loss of key personnel. The LPP had been evaluated during the financial year to ensure that it contained sufficient clarity in terms of its objectives and the LPP had been communicated and cascaded down to all levels within the Group to ensure shared mission within the organisation.

Other risks and internal control processes

The organisational structure provides clear defined authority and responsibilities of each individual within the Group. It is part of the Group's internal control measures to facilitate monitoring of conduct and operations, by giving guidance to all employees on the official reporting relationship that govern the workflow of the organisation.

In order to promote ethical conduct, the Group maintains sound principles and values that enforce key work ethics throughout the organisation. All employees are required to observe the Human Resource policies as well as several other policies established to regulate behaviour in the organisation practices. Fraud Policy spells out employees' duty to detect and prevent fraud, corruption or other illegal activities, such as bribery and theft which could adversely affect the Company's reputation. Meanwhile, the Whistle-blowing Policy provides a formal procedure for reporting violations related to fraud, misconduct or wrongdoings that may take place within the Group. These policies have been communicated to all stakeholders and employees in which they will be given protection against retaliation should they report any wrongdoings in a good faith. Reports of wrongdoings can be channelled to the appropriate persons stated in the policy, which is accessible on the Company's website.

The Company's core values (Customer Focus, Excellence, Change Ready, Integrity, Perseverance and Respect) help shape the culture in the organisation. It is a set of behaviours and skills that are expected from all employees to instil good morale, integrity and guide in determining priorities in their work. Other control policies include Corporate Disclosure and Investor Relations Policy which provide guidelines in handling and disclosing of material information to the financial markets. All material information must be verified and approved before public dissemination to ensure the accuracy, timeliness and completeness of the material information, and in compliance with regulatory requirements.

MONITORING AND REVIEW

The Group is committed to constantly monitor the effectiveness of its risk management and internal controls system. This is achieved by engaging Internal Auditors to conduct periodic assessment on the Group's systems of governance, risk management and internal control practices to ensure the reliability of financial and operational reporting, compliance with applicable laws and regulations, and proper management of the Group's assets. The Group's Internal Audit function was performed by an outsourced professional firm of consultants, which is independent of the activities it audits.

Internal audit activities cover various operating business units and are determined based on the priorities consistent with the Group's objectives. During the financial year under review, the Internal Auditors performed compliance based audit review on the audit areas as set out in the audit plan approved by the Board at the recommendation of the Audit Committee. The internal audit review provides an objective and independent assessment of the Group's internal control system in order to provide reasonable assurance that adequate controls are in place to preclude the possibilities of fraud and misappropriation of Group's assets. The Internal Auditors report issues and recommendations arising from each review and update management's progress on the implementation of agreed action plans directly to the Audit Committee who subsequently reports to the Board. Details of the internal audit activities are contained in the Audit Committee Report.

As to the processes and procedures in the ISO manual, they are periodically reviewed and audited by the in-house and external ISO internal auditors. These audits are carried out to ensure the relevance and effectiveness of the procedures as well as to ensure compliance to the procedures set.

